

## BANTUAN PEMBAYARAN PEMULIH BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN AR-RAHNU

No.	Soalan	Jawapan
1	Adakah kemudahan Ar-Rahnu tertakluk kepada program Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Ya, kemudahan pembiayaan Ar-Rahnu Tawarruq tertakluk kepada program Bantuan Pembayaran PEMULIH. Pelanggan yang layak perlu memohon untuk program ini dan jika kelulusan diberikan, akaun pelanggan akan diberikan penangguhan pembayaran selama 6 bulan bermula daripada Tarikh Bayaran seterusnya.
2	Adakah akaun Ar-Rahnu Tawarruq saya layak mendapat program Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Akaun Ar-Rahnu Tawarruq yang diluluskan sebelum 1 Julai 2021 layak untuk memohon di bawah program ini dengan syarat akaun tersebut tidak tertunggak pada tarikh permohonan dan pemohon bukan seorang yang bankrap.
3	Bagaimana cara untuk memohon Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Pelanggan perlu memohon menerusi e-Borang program Bantuan Pembayaran PEMULIH Bank Islam sepanjang tempoh permohonan dibuka oleh pihak Bank dengan mengisi maklumat yang lengkap, tepat dan betul seperti yang diminta di dalam e-Borang tersebut.
4	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk kelulusan di bawah Program Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Tiada sebarang dokumen sokongan yang diperlukan untuk kelulusan di bawah program ini.
5	Bilakah pengesahan permohonan pelanggan akan dimaklumkan?	Pelanggan akan dimaklumkan tentang pengesahan penerimaan permohonan secara serta-merta selepas permohonan diterima.
6	Bagaimanakah Bank memaklumkan keputusan permohonan kepada pelanggan?	Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS). Pelanggan perlu memastikan nombor telefon bimbit dan alamat e-mel (jika ada) yang dimasukkan di dalam e-Borang adalah betul dan aktif.

## BANTUAN PEMBAYARAN PEMULIH BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN AR-RAHNU

No.	Soalan	Jawapan
7	<b>Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan program ini?</b>	Keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari mengikut kalendar atau selewat-lewatnya dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar.
8	<b>Berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk akaun dikemaskinikan dengan terma-terma pembayaran yang baharu?</b>	<p>Bagi permohonan yang telah diluluskan, terma pembayaran yang baharu akan dikemaskinikan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh permohonan.</p> <p>Pihak Bank akan menghantar surat makluman bersama butiran terma pembayaran yang baharu ke alamat pelanggan.</p>
9	<b>Adakah keuntungan harian akan berjalan sepanjang tempoh program Bantuan Pembayaran PEMULIH?</b>	<p>Ya, keuntungan harian akan terus terakru namun pelanggan tidak perlu membayarnya sepanjang tempoh penangguhan. Keuntungan terakru sepanjang tempoh penangguhan akan dikumpulkan dan pelanggan perlu membayarnya pada Tarikh Bayaran terakhir pembiayaan.</p> <p>Pelanggan juga tidak akan dikompaun atau dikenakan penalti lewat bayar sepanjang tempoh penangguhan.</p>
10	<b>Bilakah tarikh efektif bagi permohonan program Bantuan Pembayaran PEMULIH yang telah diluluskan?</b>	Tarikh efektif program Bantuan Pembayaran PEMULIH hanya akan berkuat kuasa pada Tarikh Bayaran seterusnya seperti yang dinyatakan di dalam surat Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu Tawarruq yang asal.
11	<b>Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah program Bantuan Pembayaran PEMULIH?</b>	<p>Baki pembiayaan untuk akaun yang menyertai program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;</p> <p>a) Kenaikan kepada jumlah keseluruhan pembayaran balik sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan dan/atau;</p>

No.	Soalan	Jawapan																										
		<p>b) Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan.</p> <p>c) Kadar keuntungan akan terus terakru ke atas mana-mana bayaran balik pembiayaan yang telah ditangguhkan dan pelanggan perlu membayarnya pada masa hadapan.</p> <p>Berikut adalah ilustrasi impak kepada pembiayaan pelanggan:</p> <p><u>Contoh maklumat pembiayaan pelanggan</u></p> <table border="1"> <tr> <td><b>Jumlah Pembiayaan</b> : RM8,000</td> <td><b>Harga Jualan</b> : RM9,692.12</td> </tr> <tr> <td><b>Kadar Keuntungan Efektif</b> : 9.6%</td> <td><b>Kadar Keuntungan Siling</b> : 11.25%</td> </tr> <tr> <td><b>Tempoh Pembiayaan</b> : 18 bulan</td> <td><b>Tarikh Gadaian</b> : 1/6/2021</td> </tr> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="4">JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN</th> </tr> <tr> <th>Tempoh Gadaian</th> <th>6 Bulan</th> <th>12 Bulan</th> <th>18 Bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tarikh Bayaran</td> <td>1/12/2021</td> <td>1/6/2022</td> <td>1/12/2022</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar</td> <td>480.00</td> <td>480.00</td> <td>480.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>9,440.00</td> </tr> </tbody> </table>	<b>Jumlah Pembiayaan</b> : RM8,000	<b>Harga Jualan</b> : RM9,692.12	<b>Kadar Keuntungan Efektif</b> : 9.6%	<b>Kadar Keuntungan Siling</b> : 11.25%	<b>Tempoh Pembiayaan</b> : 18 bulan	<b>Tarikh Gadaian</b> : 1/6/2021	JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN				Tempoh Gadaian	6 Bulan	12 Bulan	18 Bulan	Tarikh Bayaran	1/12/2021	1/6/2022	1/12/2022	Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar	480.00	480.00	480.00	Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan	-	-	9,440.00
<b>Jumlah Pembiayaan</b> : RM8,000	<b>Harga Jualan</b> : RM9,692.12																											
<b>Kadar Keuntungan Efektif</b> : 9.6%	<b>Kadar Keuntungan Siling</b> : 11.25%																											
<b>Tempoh Pembiayaan</b> : 18 bulan	<b>Tarikh Gadaian</b> : 1/6/2021																											
JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN																												
Tempoh Gadaian	6 Bulan	12 Bulan	18 Bulan																									
Tarikh Bayaran	1/12/2021	1/6/2022	1/12/2022																									
Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar	480.00	480.00	480.00																									
Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan	-	-	9,440.00																									

No.	Soalan	Jawapan																				
		<p><u>DENGAN Program Bantuan Pembayaran PEMULIH</u></p> <p><b>Senario:</b> Pelanggan memohon pada 10 Julai 2021. Permohonan diluluskan dan pelanggan diberikan penangguhan 6 bulan bermula Tarikh Bayaran seterusnya. Butiran baharu pembiayaan pelanggan adalah seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="4">JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN</th> </tr> <tr> <th>Tempoh Gadaian</th> <th>12 Bulan</th> <th>18 Bulan</th> <th>24 Bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tarikh Bayaran</td> <td>1/6/2022</td> <td>1/12/2022</td> <td>1/6/2023</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar</td> <td>480.00</td> <td>480.00</td> <td>732.12</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>9,692.12 *</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan selepas program ini tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.</i></p>	JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN				Tempoh Gadaian	12 Bulan	18 Bulan	24 Bulan	Tarikh Bayaran	1/6/2022	1/12/2022	1/6/2023	Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar	480.00	480.00	732.12	Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan	-	-	9,692.12 *
JUMLAH KEUNTUNGAN BERDASARKAN TEMPOH GADAIAN																						
Tempoh Gadaian	12 Bulan	18 Bulan	24 Bulan																			
Tarikh Bayaran	1/6/2022	1/12/2022	1/6/2023																			
Jumlah Keuntungan Yang Perlu Dibayar	480.00	480.00	732.12																			
Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan	-	-	9,692.12 *																			
12	<b>Adakah saya boleh membuat pembayaran keuntungan atau menebus Aset Gadaian semasa tempoh program Bantuan Pembayaran PEMULIH program?</b>	Ya, anda boleh membuat bayaran keuntungan bagi mengurangkan jumlah kos yang dikenakan atau menebus Aset Gadaian semasa tempoh program/ penangguhan.																				
13	<b>Adakah Aset Gadaian saya akan dilelong semasa tempoh Program Bantuan Pembayaran PEMULIH?</b>	Aset Gadaian untuk akaun yang diluluskan bagi program ini tidak akan dilelong semasa tempoh penangguhan.																				

No.	Soalan	Jawapan
		Walau bagaimanapun, selepas tamat tempoh penangguhan, pelanggan adalah tertakluk kepada lelongan seperti yang nyatakan di dalam terma dan syarat di dalam surat Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu Tawarruq yang asal.

**-Tamat-**